



2.5.2019  
SIARAN MEDIA

## **ANUGERAH PERDANA MENTERI UNTUK CEO SYARIKAT BEKALAN AIR PULAU PINANG**

PULAU PINANG, Khamis, 2.5.2019: Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad telah menyampaikan “Anugerah Perdana Menteri Tokoh Mahir 2019”(APMTM 2019) kepada Dato’ Ir. Jaseni Maidinsa, Ketua Pegawai Eksekutif PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

Dato’ Ir. Jaseni menerima anugerah itu di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 1 Mei 2019, sempena Sambutan Hari Pekerja Kebangsaan 2019.

APMTM 2019 mengiktiraf sumbangan utama Dato’ Ir. Jaseni dalam memperjuangkan, membangun dan mempromosikan program latihan kecekapan untuk industri bekalan air di Malaysia.

APMTM dianugerahkan kepada individu yang telah memberi sumbangan besar kepada pembangunan kemahiran dalam negara. Penerima diperakui oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KKM). Kelulusan terakhir adalah daripada Perdana Menteri.

Penerima terdahulu termasuk Datuk Wira (Dr.) Hj Ameer Ali Mydin (Mydin), Dato’ Abdul Harith Abdullah (Proton), Dato’ Azmi Abdul Aziz (Prasarana), Ir. Ahmad Hadri Haris (Greentech) dan Dr. Abd Nassir Ibrahim (MSNT).

### **Memperjuangkan Latihan Kecekapan untuk Industri Bekalan Air**

Sumbangan utama Dato’ Ir. Jaseni dalam mempromosikan dan memudahkan latihan kecekapan atau industri bekalan air termasuk:

- Melancarkan Akademi Perkhidmatan Air Pulau Pinang (PWSA) pada tahun 2007, sebagai akademi latihan perkhidmatan bekalan air pertama di Malaysia, dan mengawasi pengurusannya sejak itu. PWSA juga merupakan akademi perkhidmatan bekalan air pertama yang diakreditasi oleh JPK untuk menjalankan latihan kompetensi peringkat SKM di Malaysia.



- Membantu JPK untuk membangunkan piawaian kemahiran dan kerangka pekerjaan bagi program latihan “Sijil Kemahiran Malaysia” (SKM) bagi industri bekalan air. Graduan SKM diiktiraf oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sebagai pekerja yang cekap dan mahir bagi industri.
- Menilai dan mengesahkan kecekapan calon SKM yang memperolehi pensijilan di bawah program “Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu” (PPT).

Sejak 2010, PWSA telah menghasilkan 945 graduan SKM dan melatih seramai 3,872 kakitangan industri bekalan air dan lepasan sekolah.

PWSA merupakan penyedia latihan untuk 14 organisasi bekalan air di Malaysia, serta organisasi bekalan air yang beroperasi di Indonesia, Myanmar dan Nepal.

Dato’ Ir. Jaseni telah bekerjasama dengan SPAN dan MARA bagi pembangunan pekerja-pekerja yang berkemahiran dan kompeten untuk masa hadapan.

Beliau juga bekerjasama dengan Institut Air Malaysia (MWI) dan Persatuan Air Malaysia (MWA) untuk menyediakan perkhidmatan latihan bekalan air bertauliah di wilayah selatan dan tengah negara.

Pada tahun 2018, penduduk Malaysia dianggarkan 32.4 juta orang. Purata sebanyak 95.5% daripada penduduk memperolehi perkhidmatan bagi bekalan air di seluruh negara pada tahun 2017.

Oleh itu, boleh dikatakan bahawa industri bekalan air di Malaysia adalah industri perkhidmatan awam yang penting yang melayani lebih daripada 30.9 juta pelanggan pada 2018; dan pangkalan pelanggannya akan terus berkembang pada masa hadapan.

### **Biodata: Dato’ Ir. Jaseni Maidinsa**

Kerjaya Dato’ Ir. Jaseni dalam bekalan air Pulau Pinang menjangkau 34 tahun.

Beliau adalah Jurutera Profesional berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM), Ahli Persatuan Air Malaysia (MWA) dan Ahli Institut Jurutera Malaysia (IEM).

Sehingga kini, Dato' Ir. Jaseni telah menerima anugerah berikut:

2015: “Anugerah Kecemerlangan Kejuruteraan ASEAN” dari Persidangan Persekutuan Organisasi Kejuruteraan ASEAN Ke-33 (CAFEO33).

2018: “Anugerah Air Malaysia untuk Pengurusan” daripada Persatuan Air Malaysia (MWA).

“Anugerah Jurutera Cemerlang 2018” daripada Institusi Jurutera Malaysia Cawangan Pulau Pinang (IEM Pulau Pinang).

2019: “Anugerah Perdana Menteri Tokoh Mahir 2019” daripada Perdana Menteri Malaysia.

Pada 15.3.2019, beliau menerima pelantikan sebagai ahli Panel Penasihat Industri/Komuniti (ICAP) Universiti Sains Malaysia (USM) bagi Kejuruteraan Awam.

-tamat-

---

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)



1.5.2019: Prime Minister Tun Dr. Mahathir bin Mohamad presenting the “Anugerah Perdana Menteri Tokoh Mahir 2019” award to PBA Holdings Bhd and PBAPP CEO Dato’ Ir. Jaseni Maidinsa at the PICC, Putrajaya.



1.5.2019: PBA Holdings Bhd and PBAPP CEO Dato' Ir. Jaseni Maidinsa with the "Anugerah Perdana Menteri Tokoh Mahir 2019" award.